

09 JAN 1999

ZAHARAH ANGGAP PELANTIKAN SEBAGAI PENGHORMATAN KEPADA WANITA

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata pelantikannya sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri merupakan penghormatan kepada wanita di negara ini.

Beliau mengucapkan terima-kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di atas kepercayaan yang diberikan kepadanya.

"Saya tidak menyangka pelantikan ini," kata beliau kepada Bernama hari ini.

Perdana Menteri hari ini mengumumkan pelantikan Dr Siti Zaharah sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Semalam, ketika mengumumkan rombakan Kabinet, Dr Mahathir menyatakan Dr Siti Zaharah bertukar ke JPM sebagai Timbalan Menteri.

Dr Siti Zaharah, yang juga Ketua Wanita Umno, berkata beliau akan memberi tumpuan kepada usaha membantu mengukuhkan jentera pentadbiran kerajaan dalam tugas barunya itu.

-- BERNAMA

AZZ FAZ